

# Bekalan beras negara dijamin mencukupi

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan rakyat negara ini tidak akan berdepan masalah berhubung bekalan makanan kerana 71.6 peratus beras dihasilkan dalam negara.

Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Dr Ismail Bakar, berkata hanya baki daripada peratusan itu diimport Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bagi menampung kekurangan.

"Menerusi kajian, seorang dewasa menggunakan (makan) 79 kilogram (kg) beras dalam tempoh setahun."

## Kaji semula keperluan beras

"Kementerian kini dalam cadangan membuat kajian untuk mengkaji semula apakah orang dewasa kini masih memerlukan 79 kg beras itu berikutan perubahan gaya hidup," katanya kepada BH di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas ke nyataan pakar sekuriti makanan yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mad Nasir Sham suddin yang mengatakan kestabilan be kalan makanan di Malaysia berada pada tahap membimbangkan.


Sementara itu, Ketua Kluster Pertanian dan Makanan, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr Ghizan Salleh, berkata kerajaan perlu segera meningkatkan rizab tanah untuk dijadikan tapak pengeluaran pertanian makanan sebagai langkah jangka panjang bagi meningkatkan tahap kestabilan bekalannya pada masa depan.

## Tak dapat tumpung permintaan

Katanya, jumlah sejuta hektar tanah yang direkodkan untuk pertanian makanan setakat ini sama sekali tidak mencukupi bagi menampung permintaan domestik, apatah lagi menjana pulangan ekonomi hasil eksport.

"Jumlah ini jauh lebih kecil berbanding 5.5 juta hektar tanah yang digunakan bagi menjalankan aktiviti perladangan dan komoditi terutama penanaman kelapa sawit," katanya.

Saintis bidang pertanian yang juga Naib Canselor UPM, Prof Datin Dr Aini Idris, berkata kestabilan makanan itu tidak seharusnya hanya dilihat kepada peringkat akhir pengeluaran, sebalik rantaian penge luarannya perlu juga diambil kira.



Negara ini tidak akan berdepan masalah berhubung

bekalan makanan kerana 71.6 peratus beras dihasilkan dalam negara"